

04/03/1998

Kempen perlu dijalankan dengan baik: Abu Zahar

MELAKA, Selasa - Badan Perhubungan Umno Melaka mengingatkan semua ahli Umno, termasuk Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco), yang bertanding dalam pemilihan bahagian, tidak berkempen memburuk-burukkan antara satu sama lain.

Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin, yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Melaka, menegaskan kempen perlu dijalankan dengan baik seperti menjelaskan keputusan mereka bertanding merebut jawatan pada peringkat bahagian.

"Biasanya calon bertanding akan mengatakan tujuannya bertanding ialah untuk meningkatkan kemajuan parti.

"Bagaimanapun, janganlah ada kalangan ahli yang berkempen memburuk-burukkan pihak lawan kerana jika perkara ini wujud, saya mahu dihentikan segera," katanya kepada pemberita selepas melancarkan kempen menanam pokok seluruh negara peringkat negeri hari ini.

Berdasarkan pencalonan mesyuarat cawangan Umno dijangka beberapa wakil rakyat serta ahli Exco bertanding sesama sendiri merebut jawatan di peringkat bahagian.

Antaranya ahli Exco, Datuk Noordin Yaani serta Datuk Ibrahim Durum bagi jawatan Timbalan Ketua Umno bahagian Alor Gajah manakala Datuk Yasin Sarip dan Datuk Mo'min Abdul Aziz bagi jawatan Timbalan Ketua Umno bahagian Batu Berendam dan Ahli Exco, Datuk Mohd Shariff Mohd Drus serta Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Rembia, Datuk Hamdin Abdollah bagi jawatan Ketua Umno bahagian Selandar.

Abu Zahar berkata, Badan Perhubungan Umno Melaka menyambut baik keputusan Majlis Tertinggi (MT) Umno melarang semua ahli MT mencabar atau dicabar untuk jawatan ketua bahagian bagi menjaga perpaduan dalam parti, selain mengelakkan pertandingan tidak sihat.

Katanya, arahan itu kena pada masanya, lebih-lebih lagi sewaktu negara ini dilanda krisis ekonomi dan semua ahli perlu akur dengan larangan berkenaan.

"Sebenarnya, banyak perkara lain yang boleh ditumpukan, khususnya ketika kegawatan ekonomi ini daripada ahli MT leka dengan perebutan jawatan dalam politik," katanya

Beliau mengulas keputusan mesyuarat MT malam tadi yang dipengerusikan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melarang ahli MT daripada mencabar dan dicabar bagi jawatan ketua bahagian dalam pemilihan parti yang bermula minggu depan.

(END)